

Pengaruh Latar Belakang Keluarga dalam Pembentukan Identiti Gender Anak-Anak Kecelaruhan Gender di Kelantan

The Influence of Family Background on the Formation of Gender Identity in Children with Gender Dysphoria in Kelantan

Nur Azwani binti Mansor @ Noordin¹ & Shahnun binti Haji Musa²

¹ Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, Emel: azwani79@yahoo.com

² Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, Emel: shahnunmusa2023@gmail.com

ABSTRACT

This study explores the influence of family background on children's gender identity formation, focusing on cases of gender dysphoria in Kelantan. A child's gender identity begins to develop from an early age through socialization within the family environment. Factors such as parental education level, socioeconomic status, family relationships, parenting styles, and the involvement of other family members play significant roles in shaping a child's perception of their own gender. This research employs a qualitative approach through semi-structured interviews with 14 families with children experiencing gender dysphoria. The findings reveal that parents with limited exposure to gender education, low socioeconomic status, and a lack of direct paternal guidance contribute to gender identity uncertainty among children. Additionally, environmental influences, media exposure, and peer interactions further impact gender development. In conclusion, this study highlights that the family serves as the fundamental institution in shaping children's gender identity. Parents with a clear understanding of gender roles can provide more effective guidance to help children develop a balanced gender identity that aligns with human nature. This study also suggests expanding gender-related education within family contexts as a proactive measure to address gender dysphoria issues in Malaysia.

Keywords: *Influence; children; gender dysphoria; family background*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan pengaruh latar belakang keluarga dalam pembentukan identiti gender kanak-kanak dengan memberi tumpuan kepada fenomena kecelaruhan gender di negeri Kelantan. Identiti gender seseorang kanak-kanak mula terbentuk sejak awal usia melalui proses sosialisasi yang berlaku dalam persekitaran keluarga. Faktor-faktor seperti tahap pendidikan ibu bapa, status ekonomi, hubungan keluarga, gaya keibubapaan serta penglibatan ahli keluarga lain memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk persepsi kanak-kanak terhadap gender mereka sendiri. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur bersama 14 keluarga yang mempunyai anak dengan kecelaruhan gender. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ibu bapa yang kurang pendedahan terhadap pendidikan gender, status sosioekonomi yang rendah, serta kurangnya interaksi dan bimbingan daripada bapa secara langsung menyumbang kepada ketidaktentuan identiti gender dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, faktor persekitaran, pengaruh media dan interaksi sosial dengan rakan sebaya turut memberi kesan kepada perkembangan gender mereka. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa keluarga merupakan institusi asas yang memainkan peranan utama dalam membentuk identiti gender kanak-kanak. Ibu bapa yang memiliki kesedaran serta pengetahuan yang jelas tentang peranan gender mampu memberikan bimbingan yang lebih berkesan dalam membantu anak-anak membentuk identiti gender yang seimbang dan selari dengan fitrah

manusia. Kajian ini juga mencadangkan agar pendidikan berkaitan gender dalam konteks keluarga diperluaskan sebagai satu langkah proaktif dalam menangani isu kecelaruan gender di Malaysia.

Kata kunci: Pengaruh, anak-anak; kecelaruan gender; latar belakang keluarga

How to Cite:

Received : 05-03-2025

Accepted : 27-11-2025

Published : 30-11-2025

Nur Azwani, M., & Shahnun, H. M. (2025). *Pengaruh Latar Belakang Keluarga Dalam Pembentukan Identiti Gender Anak-Anak Kecelaruan Gender di Kelantan*. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 6(2), 135–146.

1. Pendahuluan

Kanak-kanak mula mengenal gender dari identiti gender dengan cara bagaimana mereka memandang diri sendiri sebagai lelaki atau perempuan. Sejak lahir lagi bayi sudah mengetahui identiti jenis kelaminnya dan kesedaran tentang identiti gender bermula pada tahun pertama kehidupan mereka. Ketika berumur 2 atau 3 tahun, kanak-kanak sudah mula mengenal diri sama ada sebagai lelaki atau perempuan. Mereka mula memerhatikan semua orang baik lelaki atau perempuan yang tinggal bersama di rumah atau di sekeliling. Pada tahap umur 0 hingga 3 tahun, pengaruh persekitaran dan biologi sangat kuat, sehinggakan pengenalan identiti gender yang dialami kanak-kanak menjadi sangat teguh dan susah untuk berubah (Nur Azizah, 2014).

Oleh sebab itu ibu bapa dan orang sekeliling berperanan membantu kanak-kanak mengenal identiti gendernya secara jelas supaya mereka tidak keliru, kerana perkembangan tumbesaran berlaku dengan pesatnya pada tempoh masa tersebut. Selari dengan pandangan Newman (2002), yang menyatakan bahawa identiti gender kanak-kanak menjadi tetap antara usia 18 bulan hingga 5 tahun. Kanak-kanak mampu mengembangkan identiti gender dengan membuat perbandingan tubuh mereka dengan orang lain dan berdasarkan bagaimana mereka dibesarkan.

Nur Azizah (2014) turut menyatakan ibu bapa yang memperkenalkan identiti gender berlawanan dengan identiti seksual boleh menyebabkan anak-anak menjadi keliru dalam proses mengenali gender mereka. Sebagai contoh, ibu bapa yang memperlakukan anak lelaki seperti anak perempuan kerana berkeinginan untuk memiliki anak perempuan. Anak lelaki dipakaikan baju perempuan, dibelikan mainan anak patung, alat masak-memasak dan dilayan seperti anak perempuan. Begitulah sebaliknya, anak perempuan diperlakukan seperti anak lelaki kerana berkeinginan memiliki anak lelaki. Anak perempuan dipakaikan pakaian lelaki, dibelikan mainan seperti kereta, membuat potongan rambut pendek dan dilayan seperti kanak-kanak lelaki. Justeru itu, pembentukan identiti gender ini kuat dipengaruhi oleh persekitaran.

2. Latar Belakang Kajian

Kecelaruan gender terdapat dalam pelbagai kategori dan yang paling diketahui umum ialah LGBT iaitu singkatan dari empat perkataan yang merujuk kepada lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Lesbian merujuk kepada golongan perempuan yang meminati sesama perempuan yang lain dari segi daya tarikan seksual dan disebut perempuan homoseksual. Gay pula merujuk kepada lelaki yang tertarik kepada kaum sejenisnya dari segi daya tarikan seksual dan dikenali dengan istilah lelaki homoseksual. Manakala biseksual adalah seseorang yang tertarik kepada dua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan serta cenderung untuk melakukan hubungan kelamin dengan dua-dua golongan ini (Mahfudzah, 2015).

Golongan lelaki yang trans (*cross*) kepada wanita yang biasanya dikenali sebagai pondan, bapuk, darai, nyah, *girlie*, *doll* dan *sissy* yang mana sifat kekelakiannya telah beralih kepada sifat kewanitaannya (Lukman & Zuriana, 2002). Golongan wanita yang trans (*cross*)

kepada lelaki biasanya dikenali sebagai *tomboy*, *butch*, *pengkid* dan *transman* iaitu sifat kewanitaannya telah beralih kepada sifat kekelakian (Lukman & Zuriana, 2002).

Fenomena ini telah wujud dalam kalangan pelajar IPT dan hal ini menjadi satu. Satu kajian tentang gejala pelajar lelaki lembut di IPT telah dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 di Universiti Malaya oleh Nor Akmar Nordin et. al (2004). Hasil kajian mendapati bahawa lelaki lembut yang mengalami kecelaruan gender menganggap diri mereka adalah perempuan, malah percaya bahawa mereka terperangkap di dalam jasad yang salah dan perlu mengubah penampilan diri. Mereka lebih meminati, menyukai dan mencintai kaum lelaki, bahkan lebih selesa menjalani kehidupan seharian sebagai perempuan. Golongan ini juga sentiasa mahukan perhatian, kasih sayang dan belaian daripada pasangan. Mereka biasanya berpakaian dan menonjolkan imej silang jantina bagi memenuhi tuntutan nafsu dan berasa puas melakukannya.

Kajian lain turut menunjukkan terdapat kecenderungan cubaan membunuh diri dalam kalangan lesbian dan gay di Malaysia. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Siti Hajar et. al (2019) yang mendapati bahawa golongan muda yang terlibat dalam hubungan homoseksual mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri disebabkan oleh faktor persekitaran, kemurungan dan konflik dalaman. Faktor persekitaran menjadi faktor utama kerana persepsi negatif keluarga dan rakan-rakan yang boleh menyebabkan emosi tidak stabil dan cenderung untuk bertindak di luar kawalan. Faktor kedua ialah kemurungan apabila golongan gay dan lesbian ini mengalami tekanan melampau yang berpunca daripada konflik peribadi iaitu merasa tidak dihargai dan disayangi. Faktor ketiga ialah konflik dalaman yang berlaku berpunca dari pasangan yang curang dan tidak mampu mengawal emosi. Hal ini jelas menunjukkan fenomena ini semakin parah dalam kalangan masyarakat sehingga sanggup bertindak di luar batasan agama.

Isu ini bukan isu baru malah sudah wujud sejak zaman Nabi Lut lagi, sepertimana peristiwa yang menimpa kepada kaum Nabi Lut yang telah diceritakan di dalam al-Quran. Kisah pedoman dan iktibar kaum Nabi Lut yang menerima seksaan dan bala dari Allah SWT telah menjadi teladan kepada umat Islam. Kisahnya dirakamkan dalam 12 surah pada 85 ayat di dalam al-Quran. Antaranya ialah:

Jadual 1.1: Kisah kaum Nabi Lut dalam al-Quran

Bil	Nama Surah	Nombor Ayat
1	<i>At-Tahrim</i>	10
2	<i>Al-Anbiya'</i>	74 hingga 75
3	<i>Hud</i>	77 hingga 83
4	<i>Asy-Syu'ara</i>	160 hingga 175
5	<i>Al-Qamar</i>	33 hingga 39

Namun Kisah Kaum Nabi Lut diceritakan dengan jelas dalam surah *al-'Araf* ayat 80 - 81:

وَلَوْ طَا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ
الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ ۚ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

Ertinya: "Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas".

Kaum Nabi Luth iaitu penduduk Sadum dan Amurrah menjadi pelopor kepada perbuatan homoseksual. Penduduk Eropah menggelarkan perbuatan ini sebagai “*sodomy*” bersempena dengan perbuatan orang-orang Sadum. Gejala homoseksual yang berlaku pada ketika itu telah melampaui batas kemanusiaan dan menjadi tanda penyakit jiwa yang menyebabkan keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Malah kaum Nabi Lut menolak perkahwinan dan ingkar dengan perintah Allah (Ibnu Kathir, 1999). Larangan ini juga jelas sepertimana dalam sabda Rasulullah SAW:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَ الْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ
النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Abdullah ibn ‘Abbas r.a. menerangkan bahawa “Rasulullah SAW melaknat lelaki menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki” (Sahih Bukhari, no: 5885).

Fenomena kecelaruan gender jelas melanggar syariat Islam, tidak selari dengan budaya, malah melanggar nilai dan norma masyarakat. Sistem sosial kehidupan masyarakat bertamadun juga dibimbangi akan rosak binasa kerana melanggar fitrah dan tabii kejadian asal manusia. Secara tidak langsung sistem kekeluargaan juga akan musnah dan nilai keagamaan tidak lagi menjadi pegangan dalam kehidupan. Justeru, asas pembentukan gender kanak-kanak dalam proses sosialisasi perlu dititikberatkan bagi mengelakkan kekeliruan gender apabila kanak-kanak meningkat dewasa.

3. Pernyataan Masalah Kajian

UNICEF, Malaysia (2020), melaporkan bahawa golongan LGBTI terutamanya kanak-kanak mengalami diskriminasi dan buli dan situasi ini memberi kesan yang mendalam kepada mereka. Antaranya ialah kanak-kanak dan wanita lesbian dan biseksual dilaporkan mengalami penghinaan secara lisan, penderaan seksual, keganasan dan juga dibuang sekolah. Selain itu, berlaku keganasan terhadap kanak-kanak transgender di rumah dan di sekolah yang menyebabkan mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada pelajaran, sekaligus mengurangkan prospek pekerjaan kelak. Jika diteliti diskriminasi dan buli yang dihadapi oleh golongan ini boleh memberi kesan kepada kesihatan mental dan juga fizikal pada masa sekarang dan juga masa hadapan. Laporan ini menunjukkan persoalan gender bukanlah sesuatu yang baru dalam kajian-kajian sosial di seluruh dunia. Malah kajian tentang peranan keluarga dalam pembentukan gender juga telah diterokai dalam dunia penyelidikan khususnya di Malaysia.

Satu persidangan Focal Point Menangani Gejala Sosial Bil 5/2015 telah diadakan pada 21 hingga 23 Oktober 2015 oleh JAKIM melalui Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK). Persidangan ini bertujuan untuk memurnikan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruan Gender yang telah digubal oleh Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) dari JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), ahli-ahli akademik dan NGO Islam. Terdapat empat teras strategi pelan tindakan yang dibincangkan, tiga daripadanya adalah mengfokuskan kepada perspektif pendidikan keluarga dalam usaha pembangunan insan. Antaranya ialah meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak, memastikan penguatkuasaan undang-undang yang mesra keluarga, mengemukakan prosedur dan dasar serta menyediakan program, perkhidmatan dan kemudahan yang lebih mengfokuskan kepada sistem kekeluargaan. Pelan tindakan keempat menyediakan modul dan melakukan kajian keberkesanan program-program yang telah dirancang terutama

golongan berisiko tinggi dan masyarakat terpinggir (Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan melihat isu kecelaruan gender sebagai satu masalah sosial yang perlu ditangani oleh semua pihak terutama keluarga.

Kajian-kajian terdahulu tentang kecelaruan gender banyak yang telah dijalankan bagi mengkaji punca atau faktor terjadinya fenomena songsang ini dengan menjadikan golongan atau komuniti kecelaruan gender sebagai responden atau informan utama. Antara kajian-kajian kecelaruan gender yang telah dijalankan ialah seperti kajian oleh Amran, Fatimah dan Khadijah (2013) yang telah mendapati bahawa punca terjadinya fenomena kecelaruan gender adalah berkaitan dengan peranan dan hubungan keluarga dan juga keadaan sosial masyarakat.

Laporan ini juga disokong oleh Farahwahida dan Sharifah Muniraj (2011) yang telah mendapati bahawa empat faktor yang menyumbang kepada seseorang lelaki berpewatakan lembut di Universiti Teknologi Malaysia ialah faktor biologi, rakan, keluarga dan media. Bagi faktor keluarga, antara faktor yang dibincangkan ialah kurang kasih sayang dari bapa, lebih rapat dengan ibu, mempunyai adik beradik perempuan yang ramai dan lebih rapat dengan kakak-kakak sehingga tidur bersama kakak semasa kecil, selalu menggunakan alat solek ibu dan memakai serta menggayakan pakaian ibu secara bersembunyi di rumah dan ibu gemar memakaikan pakaian perempuan semasa kecil. Kedua-dua kajian ini juga melihat isu ini dari sudut perspektif Islam sebagai garis panduan dalam membuat penilaian dan diteliti dari aspek latar belakang kehidupan dan cara berfikir golongan ini mengenai tingkah laku mereka.

Puteri Hayati (2014) juga meneliti latar belakang kehidupan golongan kecelaruan gender di institut pendidikan tinggi awam dan swasta di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian dilakukan dari sudut psikologi dan sosio-emosi dengan meneliti aspek hubungan dengan ibu bapa dan interpersonal, tempat yang selalu dikunjungi, koleksi barangan kesayangan, ciri teman istimewa dan pandangan tentang perkahwinan.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Azlina dan Che W. Hashimi (2018) juga mendapati bahawa faktor budaya dalam keluarga, media massa dan pengaruh rakan sebaya merupakan pengaruh luaran yang menjadi pendorong kepada kecelaruan gender. Latar belakang keluarga seperti mempunyai adik beradik perempuan yang ramai dan dipengaruhi oleh suasana feminin secara tidak langsung mencetuskan sifat kewanitaan dalam diri golongan gay dan homoseksual.

Selari dengan ini, satu hasil kajian telah dibentangkan dalam Forum Penyebaran Hasil Penyelidikan LPPKN siri 2, 2014 yang telah mengkaji pengalaman golongan transeksual iaitu zaman kanak-kanak dan remaja, hubungan dengan keluarga, pekerjaan dan kehidupan sosial. Hasil kajian mendapati faktor peniruan dan pembelajaran gender yang kurang tepat, rapat dengan ahli keluarga perempuan dan berjaya mengembangkan identiti gender silang apabila keluarga menerima lalu menyebabkan mereka semakin selesa dengan identiti tersebut. Ekoran dari dapatan kajian tersebut, penyelidik menyarankan ahli keluarga dan orang-orang yang signifikan dalam keluarga melaksanakan peranan dan fungsi dengan lebih berkesan dalam memberi bantuan awal kepada anak-anak yang terkeliru dengan gender (Salmi, 2014).

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dibincangkan, penyelidik mendapati bahawa kesemua pengkaji terdahulu bersepakat bahawa keluarga merupakan antara faktor penyumbang utama berlakunya kecelaruan gender. Namun begitu, para pengkaji terdahulu kurang memberi fokus kepada proses perkembangan gender yang berlaku pada zaman kanak-kanak. Begitu juga dengan peranan ahli keluarga sebagai agen utama dalam membentuk gender agar selari dengan kejadian biologi turut kurang diberi perhatian.

Oleh yang demikian, kajian ini memberikan sedikit kelainan kerana melihat isu gender ini dari sudut perspektif ahli keluarga sebagai informan kajian dan bukannya golongan kecelaruan gender. Hal yang demikian adalah kerana ahli keluarga seperti ibu bapa, kakak, abang dan ahli keluarga terdekat merupakan agen utama yang membantu proses sosialisasi. Proses ini diterapkan pada zaman kanak-kanak yang akan mempengaruhi perilaku dan pemikiran serta belajar bagaimana seharusnya bertingkah laku dalam situasi atau keadaan

tertentu apabila dewasa kelak. Sekiranya kanak-kanak tidak mengalami proses sosialisasi dengan berkesan dan mencukupi, maka mereka tidak akan dapat menyesuaikan diri dan bertingkah laku mengikut norma-norma dan nilai-nilai sosial dalam masyarakat.

Justeru itu, peranan, sikap serta tindakan ibu bapa dan keluarga sangat berkait rapat dalam pembentukan gender kerana memberi impak yang besar dalam kehidupan anak-anak yang sedang membesar dan masa hadapan mereka. Fenomena kecelaruan gender boleh menyebabkan asas dan bentuk lembaga sosial terungkuai sekaligus memusnahkan nilai agama dan akhlak sekiranya tidak dibendung dari awal pembentukan gender kanak-kanak. Walau bagaimanapun sekiranya anak-anak ini telah diberikan asuhan dan didikan yang cukup, tetapi masih lagi tidak berkesan, maka peranan agen sekunder perlu diberi perhatian sewajarnya.

4. Sorotan Literatur

Proses pembelajaran anak-anak biasanya melalui pemerhatian, ingatan, kelakuan, motivasi dan penguatan. Ibu bapa merupakan contoh utama kepada anak-anak, maka apa yang diperhatikan dari ibu bapa akan menyebabkan penambahan atau pengurangan dalam tingkah laku. Faktor pendidikan ibu bapa dan budaya mempengaruhi corak dan cara asuhan anak-anak. Pengasuhan terhadap anak-anak adalah dipengaruhi oleh kebudayaan dan kebiasaan masyarakat. Keadaan ini berlaku adalah kerana setiap ibu bapa mengharapkan anaknya diterima dengan baik oleh masyarakat. Latar belakang budaya mewujudkan perbezaan corak asuhan dan pendidikan anak, khususnya perbezaan peranan antara lelaki dan perempuan dalam sesuatu kebudayaan masyarakat (Edwards, 1972) dan boleh mempengaruhi perkembangan emosi dan kognitif anak (Zarina et al, 2022).

Dapatan kajian dari Azlina dan Suzila (2010) juga mendapati bahawa terdapat kaitan signifikan antara pendapatan ibu bapa, status perkahwinan, kawasan tempat tinggal, penerapan nilai-nilai keagamaan dan pemberian autonomi (gaya keibubapaan) dengan tingkah laku delikueni pelajar. Pendapatan keluarga yang rendah, status ibu bapa yang bercerai, kawasan tempat tinggal seperti di bandar dan kawasan setinggan, kurang penerapan nilai-nilai keagamaan dan kebebasan yang diberikan kepada anak menyumbang kepada gejala sosial dalam kalangan remaja.

Sung Hee Nam dan Jong Serl Chun (2014) pula mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi gaya keibubapaan terhadap kanak-kanak yang mempunyai risiko atau kelewatan dalam perkembangan tumbesaran di Korea Selatan. Kajian ini menganalisis data sekunder yang menyelidik 470 orang wakil ibu yang mengambil bahagian dalam gelombang kedua Kajian Panel mengenai kanak-kanak yang dijalankan pada tahun 2009. Hasil kajian mendapati bahawa pekerjaan dan umur ibu, tekanan ibu bapa dan sokongan sosial sangat berkait rapat dengan gaya keibubapaan dalam mengasuh dan mendidik anak.

Kajian ini disokong oleh Erika (2014) yang menunjukkan bahawa faktor pendidikan, pekerjaan dan pengalaman ibu bapa menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap corak asuhan yang diterapkan kepada anak-anak yang mengalami kecelaruan gender (mak nyah). Cara pengasuhan dan pendidikan yang diterapkan oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi dengan ibu bapa yang berpendidikan rendah adalah berbeza.

Namun berbeza pula dengan dapatan kajian oleh Nyayu Khodijah (2018) terhadap masyarakat Melayu Islam di Palembang yang mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan status pendidikan ibu bapa. Ini bermakna status pendidikan ibu bapa sama ada berpendidikan tinggi atau rendah tidak mempengaruhi corak asuhan dan didikan terhadap anak-anak. Beliau juga mendapati ibu bapa menetapkan kayu ukur atau peraturan dalam mengasuh dan mendidik anak-anak mereka berdasarkan ajaran Islam. Al-Quran dan Hadis serta adat atau apa yang telah diajarkan oleh ibu bapa mereka sebelumnya menjadi sumber dan rujukan utama.

5. Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif deskriptif kerana dapat memberi maklumat mendalam dan pemahaman dalam pembinaan konsep agar dapat membuat penilaian yang tepat. Kaedah kajian ini juga dipilih kerana menitikberatkan penemuan dan penghuraian permasalahan yang dikaji (Bloomberg & Volpe, 2008). Penyelidikan kualitatif juga cenderung menghasilkan data yang kaya dengan maklumat dan informasi yang dikehendaki, lalu ditafsirkan berdasarkan pemahaman dari teori yang telah dikaji di awal kajian. Dalam pada itu, isu yang dikaji dapat diberi penumpuan, penerangan dan penjelasan dengan mendalam berdasarkan pemahaman, bukan pengiraan atau ukuran (Siti Uzairiah, 2017).

Bagi mencapai kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian ini, alat pencatat digunakan sebagai bukti seperti borang soalan temu bual separa berstruktur dan borang pemerhatian berstruktur yang telah disemak oleh pakar bidang serta perakam suara untuk mencatatkan hasil sesi temu bual yang boleh digunakan sebagai bukti kebolehpercayaan kajian (Chua, Y.P, 2014). Setelah itu, pengkaji membuat pengesahan data yang dikutip dengan menyerahkan salinan teks transkrip kepada informan yang terlibat untuk dibaca kembali segala keterangan dan isi daripada maksud perbualan, Seterusnya para informan dibenarkan untuk membetulkan fakta sekiranya ada kesilapan dan menandatangani teks transkrip tersebut setelah selesai membaca dan membetulkan. Kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan dengan pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan informan terhadap data temu bual (Bogdan & Biklen, 2003).

Bagi meningkatkan lagi tahap kebolehpercayaan, kredibiliti dan kesahihan keputusan, penyelidik menggunakan triangulasi kaedah. Triangulasi kaedah digunakan untuk memperolehi kebenaran maklumat yang tepat dan gambaran yang utuh mengenai maklumat yang diberikan oleh informan dengan menggunakan dua kaedah berbeza. Walaupun menggunakan dua kaedah pengumpulan data berbeza, tetapi sumber atau informan adalah sama sebagaimana yang dikategorikan oleh Denzin (1978) iaitu triangulasi kaedah melibatkan kutipan data melalui dua jenis kaedah iaitu menemu bual informan dan membuat pemerhatian secara terus (direct observation).

Kaedah triangulasi digunapakai bagi tujuan rujuk silang antara data temu bual dan hasil pemerhatian bagi mencari kadar persamaan dan perbezaan untuk menguatkan kebolehpercayaan data. Temu bual separa berstruktur dibuat selama 1 jam hingga 1 jam setengah dengan menyediakan protokol soalan. Namun soalan ditambahbaik berpanduan kepada jawapan yang diberikan oleh informan. Manakala, pemerhatian berstruktur dilakukan selama lebih kurang 1 jam hingga 2 jam bergantung kepada situasi ahli keluarga informan. Penyelidik menandakan jawapan pada setiap item yang telah dibuat pemerhatian pada borang senarai semak pemerhatian secara langsung.

Data yang telah siap ditranskripsi diserahkan kepada informan untuk dibaca dan ditandatangani. Kaedah ini adalah bertujuan untuk membenarkan segala maklumat yang diberikan digunakan oleh penyelidik bagi tujuan penyelidikan sahaja dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang telah ditranskripsikan tersebut adalah benar berdasarkan temu bual yang telah dijalankan dan bukan dari penyelidik.

Analisis data kajian ini berlaku dalam kajian ini ialah metode tematik dan pengekodan. Bagi kajian lapangan, metode tematik diaplikasikan yang bermula dengan mengumpul data-data yang telah ditemu bual dan dirakam untuk proses transkripsi. Pada peringkat pengenalan data, pengkaji membuat transkripsi data mentah untuk diserahkan kepada informan. Seterusnya informan membaca dan menandatangani bagi mengesahkan isi kandungan adalah benar berdasarkan temu bual yang telah dijalankan. Bagi proses permulaan analisis data, pengkaji menggunakan kaedah manual tetapi secara sistematik seperti yang disarankan oleh Virginia dan Victoria (2006) yang merangkumi lima proses utama yang dilakukan mengikut turutan dan

langkah-lagkah tertentu. Pertama ialah membiasakan diri dengan data iaitu membaca kesemua data mentah yang telah ditranskrip berulang kali bagi mendapatkan kefahaman secara menyeluruh. Kedua ialah menghasilkan kod awal dengan mengenal pasti ayat dan frasa berdasarkan idea, pandangan dan konsep yang nyatakan oleh informan. Ketiga ialah menyusun dan menguruskan data dengan mencari tema dan sub tema untuk dikodkan berdasarkan persamaan untuk diletakkan dalam satu jadual.

Pengurusan data tersebut menggunakan Microsoft Excel dan *hyperlink* bagi memudahkan pencarian frasa dan perkataan dalam data mentah untuk menghubungkan jadual jawapan informan dengan transkrip. Langkah keempat ialah meneliti sub tema yang ditemui bagi memastikan ia dapat memenuhi konsep idea bagi setiap tema. Akhir sekali iaitu langkah kelima ialah proses pengkategorian dan interpretasi data. Berikut adalah jadual pengekodan informan, tema dan sub tema yang digunakan dalam menganalisis data.

Jadual 3.1: Jadual Pengekodan Informan

Keluarga Informan	Jenis kecelaruan gender	Hubungan dengan subjek	Daerah	Umur subjek semasa kajian
Munirah	Pengkid	Ibu & kakak	Kubang Kerian	35 tahun
Azira	Mak nyah	Ibu & kakak	Bachok	30 tahun
Zainab	Pengkid	Ibu & kakak	Bachok	42 tahun
Hafida	Pengkid	Ibu & kakak	Kota Bharu	25 tahun
Samsudin	Mak nyah	Kakak & kakak Ipar	Bachok	47 tahun
Lily	Mak nyah	Ibu & kakak	Kota Bharu	40 tahun
Mary	Mak nyah	Bapa & bapa saudara	Pasir Mas	30 tahun
Mahathir	Mak nyah	Ibu & ibu saudara	Kota Bharu	30 tahun
Jue	Mak nyah	Ibu & bapa	Kota Bharu	39 tahun
Sherry	Mak nyah	Ibu & kakak	Kota Bharu	28 tahun
Faris	Mak nyah	Ibu & adik	Kota Bharu	28 tahun
Kasyfi	Mak nyah	Ibu & ibu saudara	Kota Bharu	27 tahun
Azhar	Mak nyah	Ibu & adik	Kota Bharu	38 tahun
Syahrul	Cenderung kepada sifat perempuan pada peringkat awal kanak-kanak	Ibu & kakak	Bachok	17 tahun

Jadual 3.2: Jadual Pengekodan Tema dan Sub tema

Kod	Tema	Kod	Sub tema
A1	Latar belakang keluarga	A11	Tahap pendidikan informan
		A12	Tahap Pendidikan (subjek)
		A13	Jenis sekolah (subjek)
		A14	Jenis Pekerjaan ibu bapa
		A15	Pendapatan informan
		A16	Jenis keluarga

6. Profil Informan

Penyelidik telah menemu bual dan melakukan pemerhatian secara berstruktur kepada 14 buah keluarga di tiga buah daerah di Kelantan iaitu Kota Bharu, Bachok dan Pasir Mas. Setiap keluarga diwakili oleh dua orang ahli keluarga terdekat yang mempunyai anak kecelaruan gender seperti pengkid atau mak nyah yang dinamakan sebagai informan. Anak kecelaruan gender pula dinamakan sebagai subjek. Semua keluarga berbangsa Melayu, beragama Islam, berasal dan menetap di Kelantan. Informan terdiri dari ibu, bapa, kakak, adik, ibu saudara, bapa saudara dan kakak ipar. Kesemua informan adalah orang yang rapat, tinggal bersama dan bertanggungjawab terhadap proses sosialisasi gender yang berlaku terhadap anak kecelaruan gender semasa kecil iaitu dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir kanak-

kanak. Kesemua subjek tidak menggunakan nama sebenar dalam penulisan ini. Subjek terdiri dari 3 orang pengkid iaitu mewakili Keluarga Munirah, Keluarga Zainab dan Keluarga Hafida. Manakala 11 orang mak yah yang mewakili Keluarga Azira, Keluarga Samsudin, Keluarga Lily, Keluarga Mary, Keluarga Mahathir, Keluarga Jue, Keluarga Sherry, Keluarga Faris, Keluarga Kasyfi, Keluarga Azhar dan Keluarga Syahrul.

7. Hasil Dapatan Kajian

Faktor latar belakang keluarga penting dalam mempengaruhi pembentukan identiti dan tingkah laku anak. Latar belakang keluarga dilihat dari aspek tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan tahap pendidikan ibu bapa. Selain itu, aliran sekolah anak kecelaruan gender (subjek kajian) dan jenis keluarga informan juga dikaji. Aspek-aspek ini dijadikan subtema bagi mengetahui latar belakang keluarga informan dan kesannya terhadap proses sosialisasi gender subjek.

Berdasarkan jawapan bagi sub tema tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan informan, ibu bapa dari 6 keluarga mempunyai tahap pendidikan sehingga ke sekolah menengah iaitu Keluarga Munirah, Keluarga Hafida, Keluarga Jue, Keluarga Sherry, Keluarga Kaysfi dan Keluarga Syahrul dan 4 keluarga mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah rendah iaitu Keluarga Keluarga Lily, Keluarga Mary, Keluarga Mahathir dan Keluarga Azhar. Ibu bapa yang mendapat pendidikan di tahap sekolah menengah dan rendah bekerja dalam bidang bukan profesional seperti pembantu jururawat, kerani, askar, polis dan bekerja sendiri seperti berniaga dan bercucuk tanam. Hanya satu keluarga sahaja iaitu Keluarga Faris yang mana kedua-dua ibu bapa mempunyai pendidikan tinggi sehingga ke peringkat sarjana dan sarjana muda, serta bekerja dalam bidang profesional iaitu ayahnya seorang pensyarah dan ibunya seorang guru.

Manakala bagi Keluarga Azira, Keluarga Zainab dan Keluarga Samsudin, kedua-dua ibu bapa tidak bersekolah, tidak mempunyai asas pelajaran dan hanya bekerja sebagai petani dengan bercucuk tanam secara kecil-kecilan. Keluarga yang berpendapatan rendah terutama ibu bapa yang bersekolah hanya di peringkat sekolah rendah dan tidak bersekolah mengalami kehidupan yang agak sukar dalam membesarkan anak-anak khususnya sewaktu anak-anak masih kecil. Sepertimana dalam pernyataan Keluarga Azhar:

“Mokcik masa tu keje (kerja) jugok. Pokcik sore (seorang) keje tok cukup. Dia bulih jah (boleh) gi jale (berjalan pergi) duk (tinggal) di rumah tok. Kalu (kalau) kakok (kakak) sekolah pagi, kakok la jong jaga adik waktu petang. Gilir-gilir jaga adik. Mokcik terpaksa kerja kilang nak besar (besarkan) anak-anak. Masa tu keje di Lundang, susah dik (panggilan merujuk kepada penyelidik) dulu.”

Berdasarkan jawapan bagi sub tema jenis keluarga, kesemua keluarga merupakan jenis keluarga nukleus (keluarga asas) iaitu ibu bapa tinggal bersama anak-anak sahaja tanpa ahli keluarga lain kecuali Keluarga Samsudin dan Keluarga Kasyfi dan Keluarga Jue. Keluarga Samsudin dan Keluarga Kasyfi merupakan jenis keluarga luas iaitu ibu bapa tinggal bersama anak-anak, nenek, datuk dan anak yang telah berkahwin. Manakala sebuah keluarga tinggal bersama ibu saudara yang belum berkahwin iaitu Keluarga Jue. Sebuah keluarga pula didapati menyerahkan anak (subjek) mereka untuk dijaga, dipelihara dan dibesarkan oleh datuk dan nenek kerana ibu mempunyai masalah kesihatan iaitu Keluarga Mary.

Berdasarkan jawapan bagi sub tema tahap pendidikan subjek, hanya Keluarga Hafida, Keluarga Lily, Keluarga Mahathir, Keluarga Jue dan Keluarga Azhar mempunyai anak (subjek) yang berpendidikan sehingga sekolah menengah dan berpendidikan tinggi iaitu berjaya menghabiskan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma. Manakala

subjek bagi Keluarga Azira, Keluarga Zainab, Keluarga Samsudin dan Keluarga Mary hanya berpendidikan di peringkat sekolah rendah dan subjek Keluarga Samsudin hanya bersekolah sehingga darjah dua sahaja. Kesemua subjek bersekolah dalam aliran sekolah biasa, kecuali hanya 2 orang subjek yang bersekolah dalam aliran agama semasa di sekolah menengah iaitu Keluarga Lily dan Keluarga Faris. Seorang sahaja yang bersekolah dalam aliran agama sejak dari sekolah rendah hinggalah ke sekolah menengah iaitu Keluarga Kasyfi.

Peranan bapa dilihat sangat minimum dalam kajian ini berbanding dengan ibu yang sangat dominan dan dibantu oleh adik beradik subjek. Berdasarkan pemerhatian penyelidik terhadap keluarga yang tidak mahu melibatkan bapa subjek dalam sesi temu bual adalah kerana bapa mengaku tidak banyak cerita tentang subjek yang boleh dikongsi kerana tidak tahu tentang perkembangan jantina subjek semasa kecil. Terdapat juga bapa yang tidak mahu melibatkan diri dalam sesi temu bual kerana malu dengan identiti gender subjek terutama Keluarga Lily dan Keluarga Faris. Bapa kedua-dua keluarga ini keluar dari rumah setiap kali penyelidik tiba di rumah informan kerana enggan bekerjasama. Selain itu, bagi Keluarga Munirah, Keluarga Zainab, Keluarga Hafida, Keluarga Samsudin, Keluarga Sherry dan Keluarga Azhar, bapa subjek telah meninggal dunia.

Hanya sebuah keluarga iaitu keluarga Mary yang melibatkan bapa semasa sesi temu bual kerana ibunya sakit. Subjek telah diserahkan kepada datuk dan nenek untuk dijaga sejak kecil lagi kerana masalah kesihatan ibu. Manakala datuknya sudah meninggal dunia dan neneknya sudah uzur dan nyanyuk. Walau bagaimanapun, informan mengaku ada terlibat dalam pengasuhan anak dan juga memantau pembesaran dan perkembangan gender subjek semasa kecil.

Selain itu, tahap pendidikan dan pendapatan informan khususnya bapa, agak rendah pada waktu tersebut (zaman kanak-kanak subjek) turut memberi kesan secara tidak langsung. Informan terpaksa bekerja keras untuk menyediakan kehidupan yang selesa kepada keluarga menyebabkan fokus terhadap pendidikan dan pengasuhan subjek sedikit terganggu.

8. Perbincangan Hasil Dapatan Kajian

Dapatan kajian telah menjelaskan bahawa latar belakang keluarga seperti tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan ibu bapa mempengaruhi perkembangan dan pembentukan kejantinaan anak-anak. Dapatan ini seiring dengan hasil kajian oleh Azlina dan Suzila (2010) dan Erika Untari Dewi (2018) yang mendapati pendidikan, pendapatan ibu bapa terutamanya keluarga yang berpendapatan rendah, pengalaman dan pemberian autonomi (gaya keibubapaan) terhadap ibu atau bapa sahaja menyumbang kepada gejala sosial dalam kalangan remaja. Perbezaan tahap pendidikan menjadikan corak pengasuhan dan pendidikan yang diterapkan oleh ibu bapa berbeza. Selari dengan dapatan kajian dari Zarinah et al. (2002) yang melaporkan ibu yang tinggal dalam persekitaran mencabar dan berpendidikan tinggi mampu membentuk potensi anak. Namun begitu, berbeza dengan kajian Nyayu Khodijah (2018) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan status pendidikan ibu dengan cara pengasuhan dan pendidikan anak.

Faktor-faktor sebeginilah boleh menyebabkan anak mudah terjebak dalam perilaku kecelaruan kejantinaan. Sebagaimana kajian oleh Nanang Khosim Azhari et al. (2019) yang menyokong bahawa figura seorang ayah sangat diperlukan semasa anak-anak masih kecil bagi mengelakkan anak mencari perhatian dan kasih sayang dari lelaki lain apabila dewasa kelak. Tambahan lagi peranan ibu yang lebih dominan sehingga anak rapat dengan ibu dan sekaligus cenderung untuk meniru ibu dalam segenap hal. Kesibukan ibu bapa mencari rezeki lalu anak diserahkan kepada orang tua untuk dijaga dan diasuh juga menjadi penyebab anak terlibat dalam fenomena songsang ini.

Peranan, sikap tanggungjawab dan keterlibatan bapa dalam perkembangan anak mempengaruhi perkembangan dalam semua aspek termasuklah stereotaip kejantinaan anak. Ini kerana secara fisiologinya bapa dapat memberi mesej yang jelas melalui lisan dan tingkah laku tentang peranan mengikut kejantinaan berbanding dengan ibu. Bapa yang dominan dan berperanan sebagai ketua keluarga di dalam rumah dan luar rumah melahirkan anak yang kurang memiliki stereotaip mengenai tanggungjawab dan peranan mengikut kejantinaan (Tamis-LeMonda et al., 2009 & Endendijk et al., 2013). Sejajar dengan hasil kajian oleh Sevcan Yağın Güder dan Seda Ata (2018) yang melaporkan bahawa bapa yang terlibat dalam perkembangan kejantinaan anak mempunyai persepsi terhadap kejantinaan dan mempunyai hubungan positif dengan stereotaip kejantinaan. Bapa yang melibatkan diri dalam pengasuhan anak semasa kecil dan berperanan di dalam dan di luar rumah akan memupuk rasa kebertanggungjawaban anak mengikut jantina semasa berada di dalam dan di luar rumah.

9. Kesimpulan

Latar belakang keluarga sedikit sebanyak mempengaruhi perkembangan anak yang berlaku semasa kecil. Kebanyakan informan tidak berpendidikan tinggi dan mereka terpaksa bekerja kuat untuk menampung keluarga, sekaligus menyebabkan masa pengasuhan dan pendidikan anak sangat terhad terutamanya bagi golongan bapa. Bagi keluarga yang berpendapatan rendah dan kedua ibu bapa bekerja, tugas menjaga anak kecil diserahkan sepenuhnya kepada ibu dan kakak secara bergilir-gilir. Begitu juga bagi keluarga yang hanya bapa sebagai punca rezeki, tugas menjaga anak kecil diserahkan kepada ibu sepenuhnya. Manakala bagi keluarga yang berpendapatan sederhana dan kedua-dua ibu bapa bekerja, tugas menjaga anak diserahkan kepada pengasuh dan ada juga kakak atau abang bergilir-gilir menjaga adik semasa ketiadaan ibu bapa di rumah.

Kesemua informan tidak mengabaikan pengasuhan subjek dan anak-anak lain semasa kecil walaupun mengalami kekangan masa dan kewangan. Namun begitu, disebabkan faktor pekerjaan, kesusahan hidup dan juga tahap pendidikan informan pada masa tersebut menjadikan pengasuhan dan pendidikan tidak begitu berkesan dan efektif kerana keterbatasan masa dan pengetahuan dalam mendidik dan mengasuh anak. Selain itu, aliran sekolah agama juga tidak dapat membendung subjek dalam mengatasi masalah kecelaruan gender kerana tiada sokongan yang kuat dari keluarga.

RUJUKAN

- Amran, Fatimah, & Khadijah (2013). Peranan dan hubungan keluarga dalam kecelaruan gender. *Jurnal Kajian Gender Malaysia*, 8(2), 45-60.
- Azlina, & Che W. Hashimi (2018). Pengaruh budaya keluarga terhadap kecelaruan gender. *Jurnal Sosiologi Islam*, 12(1), 33-50.
- Azlina, & Suzila (2010). Faktor gaya keibubapaan dan tingkah laku delikueni pelajar. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 5(1), 25-40.
- Bloomberg, L. D., & Volpe, M. (2008). *Completing your qualitative dissertation: A roadmap from beginning to end*. SAGE Publications.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. Allyn & Bacon.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah penyelidikan*. McGraw Hill Education.
- Denzin, N. K. (1978). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods*. McGraw-Hill.
- Edwards, D. (1972). *Socialization and gender role development*. Oxford University Press.
- Endendijk, J. J., Groeneveld, M. G., van der Pol, L. D., Hallers-Haalboom, E. T., Mesman, J., & Bakermans-Kranenburg, M. J. (2013). Gender differences in child socialization. *Child Development Research*, 8(4), 221-237.
- Erika, U. D. (2014). Faktor pendidikan ibu bapa dan kesan terhadap gender mak nyah. *Jurnal Pendidikan dan Psikologi*, 7(2), 30-45.

- Farahwahida, & Sharifah Muniraj. (2011). Faktor kecelaruan gender lelaki lembut di UTM. *Jurnal Penyelidikan Sosial*, 9(1), 15-28.
- Ibnu Kathir. (1999). *Tafsir Ibnu Kathir*. Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Lukman, & Zuriana. (2002). Fenomena transgender di Malaysia. *Jurnal Psikologi Sosial*, 5(3), 55-70.
- Mahfudzah. (2015). Kecelaruan gender dalam kalangan masyarakat Malaysia. *Jurnal Kajian Sosial dan Budaya*, 10(2), 87-102.
- Nanang Khosim Azhari, et al. (2019). Peranan ayah dalam perkembangan identiti anak. *Jurnal Psikologi Kanak-Kanak*, 6(2), 40-57.
- Newman, B. M. (2002). *Development through life: A psychosocial approach*. Cengage Learning.
- Nor Akmar Nordin, et al. (2004). Gejala pelajar lelaki lembut di IPT. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004*, Universiti Malaya.
- Nyayu Khodijah. (2018). Pengaruh ajaran Islam terhadap pendidikan keluarga di Palembang. *Jurnal Pendidikan Islam*, 4(1), 12-30.
- Puteri Hayati. (2014). Kajian psikologi dan sosio-emosi komuniti kecelaruan gender di Kota Kinabalu. *Jurnal Sains Sosial Sabah*, 5(1), 20-37.
- Salmi. (2014). Pengalaman golongan transeksual di Malaysia. *Forum Penyebaran Hasil Penyelidikan LPPKN Siri 2*, 2014.
- Sevcan Yağan Güder, & Seda Ata. (2018). Persepsi kejantinaan dan peranan bapa. *Journal of Child Development Studies*, 9(3), 112-130.
- Siti Hajar, et al. (2019). Kecenderungan bunuh diri dalam kalangan golongan homoseksual di Malaysia. *Jurnal Psikologi Klinik*, 8(1), 55-72.
- Siti Uzairiah. (2017). *Metodologi penyelidikan dalam kajian sosial*. Universiti Malaya Press.
- Sung Hee Nam, & Jong Serl Chun. (2014). Faktor gaya keibubapaan terhadap perkembangan kanak-kanak di Korea Selatan. *Asian Journal of Child Psychology*, 10(1), 78-95.
- Tamis-LeMonda, C. S., Shannon, J. D., Cabrera, N. J., & Lamb, M. E. (2009). The role of father involvement in child development. *Journal of Family Psychology*, 23(5), 738-747.
- UNICEF Malaysia. (2020). *Laporan diskriminasi dan buli terhadap kanak-kanak LGBTI di Malaysia*. UNICEF.
- Virginia, & Victoria. (2006). *Analisis tematik dalam kajian kualitatif*. Springer.
- Zarina, et al. (2022). Pengaruh latar belakang keluarga terhadap perkembangan emosi dan kognitif anak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 12(1), 100-117.